MAHATHIR-UMNO

1984

KUANTAN, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI SIKAP +SPORTMANSHIP+ YANG DIAMALKAN DALAM SUKAN MEMPUNYAI NILAI-NILAI BAIK UNTUK DIPRAKTIKKAN DALAM SEBARANG PERTANDINGAN ATAU PERJUANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT ITU HENDAKLAH DIJADIKAN PEGANGAN HIDUP AGAR SESEORANG ITU TIDAK MELAKUKAN SESUATU YANG MELEBIHI BATAS.

''KALAU KITA KALAH KITA TERIMANYA DENGAN BERJABAT TANGAN DENGAN PIHAK LAWAN SEPERTI ORANG JOHOR BERJABAT SALAM DENGAN ORANG KELANTAN,'' KATANYA SECARA BERSURAU KETIKA MERASMIKAN PESTA SUKAN KEENAM PEMUDA UMNO MALAYSIA DI STADIUM DARULMAKMUR DI SINI.

''BEGITU JUGA KALAU ADA PASUKAN YANG BERTANDING DALAM PESTA INI YANG KALAH, JANGANLAH PULA ADA YANG MEMBUANG JAWATANKUASA PASUKAN ITU,'' KATANYA YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MENGAITKANNYA DENGAN KRISIS YANG BERLAKU DI UMNO BAHAGIAN TANJUNG DI MANA TUJUH ORANG ANGGOTA JAWATANKUASANYA DIPECAT.

SECARA SERIUS BELIAU MENEGASKAN SEMANGAT +SPORTSMANSHIP+ DALAM SUKAN YANG DIMAKSUDKAN IALAH BERANI MENGHADAPI CABARAN TETAPI TEGUH MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN YANG DITETAPKAN.

-- LAGI 2311/LK

ZCZC B720

MAHATHIR-UMNO 2 KUANTAN

APA YANG PENTING KATANYA IALAH MENGAWAL PERASAAN KERANA SIKAP INI MEMBAWA KEBAIKAN LUHUR KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

TAMBAHNYA DALAM SEBARANG PERTANDINGAN JANGANLAH TERLALU BERHEMPAS PULAS UNTUK MENCAPAI KEMENANGAN HINGGAKAN LUPA SOAL POKOK IA ITU MEWUJUDKAN KERJASAMA.

SUKAN-SUKAN YANG DIADAKAN SEKARANG NAMPAKNYA TIDAK BEGITU MENITIKBERATKAN +SEMANGAT SPORTSMANSHIP+ KERANA TERLAMPAU PENTINGKAN KEMENANGAN, KATANYA.

''KITA TIDAK BOLEH ADA PERTANDINGAN JIKA KITA DIBIARKAN MEMBUAT SESUKA HATI SEHINGGAKAN SANGGUP BERTUMBUK,'' KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN BERGEMURUH DARI PARA HADIRIN.

MENGENAI SUKAN BELIAU BERKATA IA PENTING UNTUK KESIHATAN TERUTAMA KEPADA MEREKA YANG BERTUGAS DI PEJABAT-PEJABAT BERHAWA DINGIN YANG LANGSUNG TIDAK MENGELUARKAN PELUH. LAGI →

MAHATHIR-UMNO 3 KUANTAN

''SEBENARNYA SAYA BERMINAT DALAM SUKAN WALAUPUN SAYA JARANG-JARANG MENYAKSIKAN PERTANDINGAN BOLASEPAK DAN PERLAWANAN-PERLAWANAN LAIN, KERANA IA MENAMBAHKAN STAMINA,'' KATANYA.

TURUT HADIR IALAH KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA ENCIK ANWAR IBRAHIM, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI AHMAD RAZALI DAN MENTERI BESAR PAHANG YANG JUGA NAIB KETUA PERGERAKAN ITU DATUK MOHAMED NAJIB TUN RAZAK.

-- BERNAMA 2330/LK